

Analisis Deiksis Dialek Kedah

Nurul Shahida Jamil

nurulshahidajamil@gmail.com

Twintech International University College of Technology

Maslida Yusof

maslida@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Deiksis melibatkan hubungan antara struktur bahasa dengan konteks bahasa yang diujarkan (Huang, 2007, hlm. 13). Kajian-kajian mengenai deiksis yang pernah dilakukan oleh sarjana tempatan lebih tertumpu kepada bahasa orang Asli dan kajian teks iklan. Antaranya Kajian Kamila (2006) yang mengkaji deiksis ganti nama diri dan deiksis ruwang *ini, itu, di sini* dan *di situ* dalam bahasa Mah Meri. Burenhult (2004) pula meneliti deiksis ruwang dalam bahasa Jahai di daerah Hulu Perak. Manakala kajian Mohammad Fadzeli (2009) menjelaskan kekaburan aspek deiksis perorangan, masa dan ruwang yang terdapat dalam teks iklan perumahan. Berdasarkan pemerhatian, sehingga kini, masih kurang kajian yang mengenengahkan dialek Melayu dalam penelitian elemen deiksis. Sehubungan dengan itu, makalah ini bertujuan meneliti kategori dan fungsi elemen dieksis dalam dialek Kedah khususnya di kampung Kubang Lintah, Mukim Lepai, daerah Kota Setar (DKKS). Data diperoleh melalui kaedah pemerhatian dan teknik rakaman yang bertujuan mencatat dan merakam pertuturan responden. Pengkategorian elemen dieksis berdasarkan kepada kerangka dieksis Huang (2007). Makalah ini mendapati DKKS mengandungi kategori deiksis perorangan yang diungkapkan melalui kata ganti nama diri (GND) dan penggunaan vokatif yang diungkap melalui kata panggilan. DKKS juga mempamerkan kategori deiksis masa, dan deiksis ruwang. Selain itu, kajian ini menunjukkan kategori deiksis sosial berkait rapat dengan deiksis perorangan iaitu berkenaan kodifikasi status sosial bagi penutur, pendengar atau orang ketiga atau entiti yang dirujuk begitu juga bentuk hubungan sosial antara peserta yang terlibat dalam perbualan. Analisis deiksis dialek Kedah telah menunjukkan kategori dan fungsi elemen deiksis. Dalam DKKS, penggunaan elemen-elemen diektik juga menimbulkan multifungsi. Secara keseluruhan, analisis ini juga memberi gambaran tentang sosio-budaya dan budi bahasa dalam percakapan sebagaimana dipamerkan oleh peserta deiksis DKKS.

Katakunci: deiksis; dieksis perorangan; dieksis masa; dieksis ruwang; dieksis sosial

Analysis of Kedah's Dialect Deixis

ABSTRACT

Deixis is directly concerned with the relationship between the structure of a language and the context in which the language is used (Huang, 2007). The previous studies on deixis by local scholars focused on indigenous languages and advertisement texts. Notably that of Kamila (2006), who studied person deixis and space deixis (*ini, itu, di sini* and *di situ*) in Mah Meri. Burenhult (2004) also examined the spatial deixis in Jahai language in Hulu Perak, while Mohammad Fadzeli (2009) described the ambiguity of person, time and spatial deixis contained in a housing advertisement text. Based on these observation, studies that put forward Malay dialect in investigating deixis are still lacking. Therefore, the aim of this study

is to examine the categories and functions of the deixis elements in Kedah dialect particularly Kubang Lintah village, Lepai parish and Kota Setar district (will be referred to as DKKS henceforth). Data was obtained through observation and recorded conversations to categorize the types of deixis and the functions of deixis in this dialect. The deixis categorisation is analysed in accordance to Huang's deixis (2007). The study found that DKKS contain elements of person deixis that is expressed by personal pronouns and vocatives, which can be expressed by calls or summonses. DKKS also exhibits categories of time deixis and space deixis. In addition, the finding shows that social deixis is closely associated with person deixis which is concerned with codification of the social status of the speaker, the addressee, or a third person or entity referred to, as well as the social relationships between them. Analysis of the deixis also describes the categories and the functions of the deixis elements in the Kedah dialect. In DKKS, the usage of these elements also creates aspects of multi-function. In conclusion, an analysis of the deixis gives an overview of the socio-cultural and the courtesy in conversation, as exemplified by the participants from DKKS.

Keywords: deixis; person deixis; time deixis; space deixis; social deixis

PENGENALAN

Deiksis atau istilah bahasa Inggerisnya *deixis*, merupakan konstituen penting dalam kajian pragmatik dan secara dasarnya, deiksis terdiri daripada deiksis perorangan, ruwang dan masa. Setiap deiksis ini mengandungi satu elemen yang dinamakan diektik dan elemen inilah yang berfungsi dalam perbualan seharian. Diektik atau ekspresi diektik dianggap sebagai ekspresi linguistik yang terdiri daripada demonstratif, kata ganti nama orang pertama dan kedua, penanda kala dan kata kerja gerak. Ekspresi diektik mempunyai dua jenis penggunaan sama ada secara diektik ataupun bukan diektik. Penggunaan secara diektik dirujuk kepada unsur yang dijadikan asas atau unsur utama yang boleh dikenal pasti melalui penggunaan isyarat seperti nada dan rujukan audio-visual. Sementara penggunaan diektik melalui simbolik pula dianggap sebagai penggunaan lanjutan yang melibatkan pengetahuan parameter asas masa-ruwang bagi peristiwa pertuturan. Maklumat diektik dalam ujaran adalah penting oleh sebab tanpa maklumat diektik, kita mungkin tidak dapat mengetahui siapa yang bertutur, di mana dan pada waktu bila sesuatu peristiwa atau keadaan itu berlangsung. Demikian, elemen diektik seperti *aku, saya, kami, dia, hari ini, petang semalam, ini, itu, di sini, di situ* dan sebagainya sangat penting dalam analisis interpretasi makna diektik. Oleh sebab elemen diektik menjadi bentuk teknikal yang paling asas yang digunakan semasa pengujaran, pengabaian unsur ini boleh menyebabkan ujaran menjadi kabur dan komunikasi tidak berkesan.

Setiap bahasa mempunyai ciri-ciri tertentu dalam sistem penggunaan elemen diektik kerana semua bahasa manusia mengandungi elemen diektik (Huang, 2007). Bahasa Melayu yang mempunyai kepelbagaian dialek sudah tentu mengandungi ciri-ciri penggunaan elemen diektik yang tertentu. Oleh sebab dialek bahasa Melayu ditandai dengan sempadan geopolitik yang khusus, maka penelitian penggunaan elemen diektik ditumpukan dalam salah satu dialek Melayu iaitu dialek Kedah. Kawasan kajian yang ditumpukan ialah Kampung Kubang Lintah, mukim Lepai, daerah Kota Setar (DKSS) kerana kawasan ini termasuk dalam dialek Kedah Persisiran. Dialek Kedah dipecahkan kepada empat jenis dialek mengikut sempadan kawasan dan disebabkan itu, kajian ini membataskan kajian dalam subdialek Kedah Persisiran kerana subdialek ini dianggap sebagai standard dialek Kedah (Asmah, 2008). Hal ini kerana sebahagian besar Lembah Kedah terdiri daripada subdialek Kedah persisiran malah kesan daripada ketersebaran kawasan yang meluas ini, wujud keseragamannya.

Sarjana tempatan ada melakukan kajian terhadap unsur deiksis dalam pelbagai aspek. Sebagai contoh, kajian Mohammad Fadzeli (2009) mengenengahkan kekaburan aspek deiksis

perorangan, masa dan ruwang yang terdapat dalam teks iklan perumahan. Kajian Kamila (2006) pula mengenai ganti nama diri dan deiksis *ini*, *itu*, *di sini* dan *di situ* dalam bahasa Mah Meri serta Burenhult (2004) yang meneliti deiksis ruwang dalam bahasa Jahai di daerah Hulu Perak. Walau bagaimanapun, kajian deiksis yang sedia ada lebih tertumpu kepada bahasa orang Asli dan kajian teks. Sehingga kini, masih belum ada sebarang kajian yang mengengahkan analisis deiksis melalui skop penelitian dialek Melayu.

Kajian sedia ada mengenai dialek Kedah pula lebih tertumpu kepada kajian fonologi, morfologi dan sintaksis. Antara kajian fonologi ialah kajian Ida Ahamd (1969) yang mendeskripsikan sistem lapan vokal pada setiap lingkungan penyebaran, diftong turun iaitu /au/, /ai/, /oi/ dan /iə/ dan diftong naik adalah /ui/, /ea/ dan /ia/. Collins (1976) mengkaji penyengauan vokal dialek Kedah Langkawi dan mendapati dialek ini mengalami penyengauan melalui proses fonemik pada peringkat dasar sebelum peraturan fonologi berlaku dan proses fonetik yang terjadi pada peringkat terakhir dalam urutan peraturan fonologi. Proses penyengauan dialek ini juga berlaku dalam empat cara iaitu penyesuaian homorganik di antara /məN-/ dan bunyi yang mengikutinya, penyingkatan suku kata /məm-/ menjadi [m:], penghilangan bunyi hentian bersuara jika konsonan sengau didahului dan penyengauan vokal yang didahului oleh konsonan sengau. Asmah (1993) yang mengkaji dialek secara fonologi meneliti sistem lapan vokal, penggunaan diftong dan penggunaan konsonan. Shahidi (2009) yang mengkaji alternasi fonologi subdialek Kedah Utara (SKU) mendapati bahawa subdialek Kedah Utara mempunyai ciri-ciri tersendiri yang unik dalam kes-kes tertentu, misalnya reduplikasi konsonan sebagai pengganti proses asimilasi nasal-obstruen, proses peleburan segmen dan unsur aspirasi.

Dialek Kedah yang dikaji secara morfologi adalah sebagaimana kajian Ton (1974). Kajian ini membincangkan ciri-ciri perbezaan dalam bidang fonologi, perbendaharaan kata dan dalam bidang morfologi tertumpu kepada aspek deskriptif pembinaan morfem terikat sama ada secara morfem bendaan dan karyaan. Antara morfem yang dideskriptifkan adalah pəN-, məN-, kə-, sə-, pəR-, penggandaan dan sebagainya. Selain itu, Asmah (1986) membincangkan dialek Kedah melalui penglihatan dunia petani kerana sebahagian besar orang Kedah terdiri daripada petani. Aspek morfologi yang dikaji adalah meN-, teR-, peR-, beR-, beke-, peN- dan penggandaan. Pembinaan pola-pola ayat dialek Kedah pula lebih gemar menggugurkan frasa nama dan lebih banyak menggunakan ayat yang mempunyai frasa karyaan. Perbincangan Asmah meluas sehingga mengkaji kata kerja bantu seperti *boleh*, *nak*, *mau*, *dah* dan *dok tengah*. Malah, persepsi orang Kedah terhadap waktu juga dijelaskan. Aspek yang dijelaskan oleh Asmah mengenai kata kerja bantu dan persepsi waktu adalah berkaitan aspek deiksis. Selain itu, dialek Kedah yang dikaji secara sintaksis sebagaimana yang dilakukan oleh Fazal dan Nurulafiqah (2013) telah membahaskan kata soal 'siapa' dalam dialek Kedah dengan menerapkan kerangka program minimalis.

Sehingga kini penelitian dialek Kedah lebih terserlah melalui skop penelitian fonologi, morfologi mahupun sintaksis. Penelitian yang lebih terarah kepada aspek formal dialek secara tidak langsung mengengahkan aspek aplikasi dialek khususnya skop pragmatik. Dengan demikian, makalah ini berusaha mendedah dan merungkaikan aspek deiksis dalam dialek Kedah yang secara langsungnya diteliti secara pragmatik. Hal ini selaras dengan Yule (1996, hlm. 3-4) yang menyatakan "deiksis memiliki kesejajaran dengan ruang lingkup pragmatik kerana pragmatik adalah suatu bidang yang mengkaji makna pengujaran dalam situasi, kajian terhadap penggunaan bahasa dan kajian yang menekankan makna yang diujarkan oleh penutur dan diinterpretasikan oleh pendengar, kajian tentang makna kontekstual serta kajian tentang hubungan antara bentuk linguistik dan kegunaannya". Oleh sebab ekspresi makna deiksis bergantung kepada konteks, maka kajian deiksis digolongkan sebagai subbidang kajian pragmatik (Maslida, 2007).

METODOLOGI


Kaedah pemerhatian dan rakaman perbualan diterapkan dalam kajian ini dengan alat perakam digunakan untuk merekod pertuturan serta memudahkan analisis terhadap perbualan penutur. Kedua-dua kaedah ini juga dilakukan bagi memastikan peserta tidak menerima gangguan seperti peserta merasa tidak selesa dan janggal dengan orang luar semasa perbualan berlangsung. Secara khusus, kaedah pemerhatian bertujuan untuk memenuhi keperluan kegunaan diektik secara isyarat fizikal atau gerak tubuh. Kaedah ini juga membolehkan data dilihat secara bukan linguistik. Merakam adalah alternatif untuk menyimpan maklumat bagi memudahkan proses analisis. Kaedah ini boleh dilakukan melalui rakaman berlisian ataupun rakaman bergambar dan berlisian dengan menggunakan alat-alat perakam tertentu. Kajian ini memperolehi data dengan menggunakan telefon pintar Sony Xperia siri C5303.

Data perbualan yang berlangsung spontan diperlukan dalam kajian ini kerana aktiviti berbahasa yang sebenar mampu menjelaskan penggunaan deiksis. Malah, rakaman perbualan diperlukan untuk memastikan kegunaan deiksis secara simbolik, iaitu secara linguistik dapat diketahui. Rakaman yang dilakukan antara peserta deiksis yang terlibat tidak dihadkan penggunaan runut masa kerana pengkaji menginginkan data yang diperolehi bersesuaian dengan aspek-aspek deiksis yang hendak diketengahkan. Memandangkan masa terbatas di lapangan, kawasan kajian yang lebih luas tidak dapat dilakukan dan hanya ditumpukan pada sebuah rumah di Kampung Kubang Lintah, Kota Setar. Peserta deiksis yang terlibat adalah antara ibu dengan anak-anaknya dan adik-beradik.

KLASIFIKASI KATEGORI DEIKSIS HUANG (2007)

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif mengikut analisis deiksis sebagaimana yang dikemukakan oleh Huang (2007). Kerangka Huang (2007) mempunyai penjelasan yang meluas dan mendalam tentang deiksis. Huang (2007) membahagikan kategori deiksis kepada deiksis asas dan deiksis bukan asas. Deiksis asas ialah deiksis perorangan, deiksis ruwang dan deiksis masa. Manakala deiksis bukan asas adalah deiksis sosial dan deiksis wacana. Deiksis sosial dan deiksis wacana dianggap juga deiksis tambahan kerana wujud dalam deiksis dasar secara tidak langsung. Deiksis perorangan adalah penggunaan kata ganti nama orang (GND) yang terdiri daripada ganti nama orang pertama, kedua dan ketiga; mufrad atau jamak dan jantina seperti *her* atau *his*.

Selain itu, deiksis perorangan melibatkan penggunaan vokatif yang dilihat pada dua aspek, iaitu kata nama panggilan dan orang yang dirujuk oleh peserta deiksis. Deiksis masa dilihat pada dua aspek, iaitu masa dan unit kenahuan. Aspek masa dibahagikan kepada dua jenis, iaitu penggunaan berkalender seperti bulan *April*, *May*; tahun 2012, 2013 dan sebagainya; penggunaan bukan berkalender pula seperti *next week*, *forthcoming year*, *last month* dan sebagainya. Manakala unit kenahuan deiksis masa pula dilihat pada dua aspek iaitu ekspresi diektik adverba masa seperti *now*, *soon*, *today* dan ekspresi diektik dalam sistem masa yang berkala seperti kata bantu aspek dan kata bantu modal. Deiksis ruwang terdiri daripada rujukan ruwang iaitu secara intrinsik, relatif dan absolut serta unit kenahuan deiksis ruwang seperti adverba diektik ruwang, kata kerja gerak, demonstratif dan penandaan diektik orang ketiga. Justeru, kategorisasi deiksis Huang (2007) dilakarkan sebagaimana dalam rajah 1 yang berikut:



RAJAH 1. Kategori deiksis Huang (2007)

KATEGORI DEIKSIS DALAM DKKS

Hasil penelitian mendapati DKKS mempunyai tiga kategori deiksis asas iaitu deiksis perorangan, deiksis masa dan deiksis ruwang. DKKS juga memperlihatkan kategori dan fungsi deiksis sosial yang berhubungan rapat dengan deiksis perorangan. Bahagian berikut akan menjelaskan setiap kategori deiksis yang ditemui dalam DKKS.

DEIKSIS PERORANGAN

Deiksis perorangan menekankan identifikasi peranan peserta atau interlokutor dalam peristiwa bahasa melalui dua ciri yang utama, iaitu penggunaan kata ganti nama dan penggunaan vokatif (Huang, 2007, hlm. 136). Pemakaian elemen diektik perorangan adalah berdasarkan empat ciri klasifikasi, iaitu kata ganti nama orang pertama, kedua dan ketiga; mufrad dan jamak; jantina, iaitu lelaki dan perempuan dan penggunaan vokatif (Huang 2007). Namun begitu, DKKS hanya mempunyai tiga ciri klasifikasi penentuan deiksis orang, iaitu penggunaan GND, penggunaan GND mufrad dan jamak dan penggunaan GND vokatif. Penggunaan GND ekspresi diektik DKKS diperlihatkan seperti dalam jadual 1 yang berikut:

JADUAL 1. Ekspresi diektik perorangan DKKS

Fungsi	Ekspresi Diektik Perorangan DKKS	Mufrad/Jamak
Kata ganti nama pertama	aku, kita, kami, cek	Mufrad
Kata ganti nama kedua	hang	Mufrad
Kata ganti nama ketiga	dia	Mufrad
Kata ganti nama pertama dengan kata ganti nama kedua	kita	Jamak (inklusif)
Kata ganti nama pertama dengan kata ganti nama kedua	kami	Jamak (eksklusif)
Kata ganti nama kedua lebih daripada seorang penutur	hampa/hangpa	Jamak
Kata ganti nama ketiga yang lebih daripada seorang penutur	depa	Jamak

FUNGSI KATA GANTI NAMA PERORANGAN

Ganti nama diri yang wujud dalam dialek Kedah terdiri daripada ganti nama diri orang pertama (GND1), iaitu *aku, kita kami dan cek*; ganti nama diri orang kedua (GND2) iaitu *hang* dan ganti nama diri orang ketiga (GND3), iaitu *dia*. Kesemua ganti nama ini hadir

dalam bentuk mufrad atau tunggal. Bentuk jamak pula adalah seperti ganti nama diri *kita*, *kami*, *hampa* dan *depa*. Penggunaan kata ganti nama ini tidak jauh beza dengan bahasa Melayu standard tetapi dialek ini mempunyai leksikal tersendiri untuk merujuk ganti nama diri seperti *cek* ‘aku’, *hang* ‘awak’, *hampa* ‘kamu’ dan *depa* ‘mereka’. Namun begitu, wujud kerencaman dalam penggunaan ekspresi diektik ganti nama diri yang dijelaskan melalui penggunaan ganti nama *cek*, *kami*, *kita* dan *dia*. Rujukan GND1 *cek* menimbulkan interpretasi makna yang berbeza sebagaimana dalam paparan ujaran yang berikut:

Data 1:

Penutur A: maʔ, maʔ naʔ taw daʔ dia tudʒəʔ dalam itəned matʃam-matʃam
mak, mak nak tau dak dia tunjuk dalam internet macam-macam.

Penutur B: ha: du^wed kena bapaʔ tʃeʔ oy. kalaw ada du^wed bapaʔ boleh, taʔ pajah pi
bu^wat sunuh diʔa bu^wat di kədai
haaaa...duit kena banyak **cek oi**...kalau ada duit banyak boleh, tak payah pi
buat suruh dia buat di kedai

Data 2:

Penutur M: tʃeʔ bukan bu^wat pulu^t, tʃeʔ bu^wat apom
cek bukan buat pulut, **cek** buat apom.

Berdasarkan data (1), penutur B mengujarkan ekspresi *cek* dan partikel *oi*. Analisis ini mendapati rujukan *cek oi* bukan merujuk kepada ‘aku’ tetapi penggunaannya muncul sebagai ujaran yang mengandungi unsur penekanan dari segi emotif yang ditujukan kepada pendengar seperti perasaan keterujaan, terkejut dan sebagainya. Secara tidak langsung, ekspresi rujukan tersebut memberi penandaan rujukan GND2 “awak”. Manakala ekspresi *cek* yang diujarkan oleh penutur M difahami makna interpretasinya yang merujuk kepada GND1 mufrad atau rujukan “aku”.

Ekspresi rujukan *kita* yang diujarkan oleh peserta dieksis juga menimbulkan dua bentuk interpretasi makna yang berbeza. Analisis mendapati dalam dialek ini, rujukan ‘kita’ adalah untuk merujuk kepada sekumpulan individu ataupun untuk merujuk kepada komponen GND1 mufrad. Berdasarkan konteks ujaran yang berikut:

Data 3:

(1) Penutur A: læn la jaŋ had taʔ daʔ apa ni. **kita** rilex taʔ pa taʔ daʔ iŋat apa taʔdaʔ bimban
apa.

lain la yang macam had tak dak apa_ni. Kita relaks takpa takda ingat apa takda
timbang apa.

(2) Penutur B: diʔa ada tapi taʔ ni lagi.

Dia ada tapi tak ni lagi.

(3) Penutur A: jala, daʔ **kita** nampaʔ diʔa kata naʔ bəladʒaʔ diʔa lagi. əŋaŋ jaŋ læn
(tekanan) læn, bukan sama.

yala, dak kita nampak dia kata dia nak belajar dia lagi. Orang yang lain,
lain, bukan sama

Penutur A menggunakan demonstratif *ni* untuk merujuk subjek, iaitu orang atau sasaran topik perbualan yang berada dalam lingkungan konteks penutur A dan penutur B dan ekspresi diektik *kita* mempunyai kaitan dengan penggunaan demonstratif *ni* yang diujarkan. Dengan kata lain, ekspresi *kita* bukan bermaksud ganti nama diri orang pertama dan kedua “kita”

tetapi merujuk kepada ganti nama diri orang pertama “aku”, iaitu merujuk kepada orang atau sasaran topik perbualan antara penutur A dan penutur B sebagaimana yang diujarkan dalam ayat berikut: [læn la jaŋ had ta? da? apa ni. **kita** rilex ta? pa ta? da? iŋat apa ta? da? bimban apa]. Ekspresi rujukan *kita* hanya semata-mata ditujukan kepada subjek yang diperkatakan oleh penutur. Keadaan ini dibuktikan apabila penutur B mengekspresikan rujukan ‘dia’ yang berupa rujukan diri orang ketiga. Dalam ayat ujaran (3), ekspresi diektik *kita* yang diujarkan oleh penutur A disasarkan kepada “kami” dan secara automatiknya berstatus GND1 jamak. Interpretasi makna rujukan *kita* dalam ujaran ayat (3) adalah merujuk kepada “aku dan awak” atau sekumpulan individu yang terdiri daripada dua orang peserta penutur.

Selain itu, dialek Kedah secara eksklusif menggunakan GND *kami* iaitu sebagai rujukan “aku” dan berdasarkan ayat ujaran penutur A, rujukan *kami* merujuk kepada dua bentuk interpertasi makna, iaitu sebagai rujukan “aku” dan rujukan yang perlu ada unsur rujukan persekitaran fizikal.

Penutur A : wóllóhuaʔlam **kami** pən ta? taw. dija kata boleh do? sini laki diʔa bagi wallahuʔalam kami pun tak tau. Dia kata boleh dok sini laki dia bagi.

Pemilihan rujukan *kami* memperlihatkan dua keadaan iaitu secara eksklusifnya digunakan untuk merujuk kepada penutur selaku orang pertama “aku” atau “saya”. Penentuan interpretasi makna *kami* dilihat agak elusif kerana melibatkan beberapa faktor seperti keadaan sekeliling, penutur yang bertutur dan sebagainya. Hal ini kerana penggunaan ekspresi diektik *kami* yang digunakan untuk mufrad boleh dirujuk sebagai jamak. Individu lain sebagai khayalak yang berperanan bukan sebagai peserta penutur terlibat sama dalam rujukan GND *kami*. Selain itu, boleh jadi *kami* yang diujarkan oleh penutur A merujuk kepada individu yang tinggal bersama dengannya. Maka, dalam menentukan penggunaan rujukan *kami*, persekitaran sekeliling perlu dititikberatkan kerana terdapat pelbagai fungsi penggunaan “kami” apabila dirujuk kepada konteks sebenar penutur.

GND *dia* ialah rujukan kepada diri orang ketiga “dia”. Nor Hashimah (1995, hlm. 91) menyatakan penggunaan ganti nama *dia* memperlihatkan fungsi sebagai rujukan manusia pada orang ketiga dan bukan manusia. Hasil analisis mendapati fungsinya lebih kompleks kerana ganti nama *dia* mendokong makna rujukan “saya” dan “awak”.

Data 4: Konteks (1):

Penutur B: boh oməledd?

boh omeledd?

Penutur A: dda?, ta? buboh pən. boh təpəŋ po:da dza. **diʔa** lupa dah sampay kə la ni aku ta? iŋat lagu mana yəsəpi **diʔa**

Dak, tak buboh pun! Boh tepung pada ja... dia lupa dah sampai ke la ni aku tak ingat lagu mana dah resepi dia.

Penutur A mengungkapkan rujukan *dia* sebanyak dua kali, maka dalam hal ini boleh jadi ekspresi *dia* merupakan rujukan pertama ditujukan kepada “aku” dan boleh jadi rujukan kedua ditujukan kepada perkara lain, iaitu “resepi”. Selain itu, dalam dialek Kedah, kebiasaannya rujukan *dia* menggantikan ganti nama *-nya*. Dalam bahasa Melayu standard, frasa “resepi dia” dianggap sebagai tidak gramatis dan seharusnya disebut sebagai “resepinya/resepi makanan itu” iaitu ‘nya’ merujuk kepada makanan tersebut. Malah, ujaran interogatif penutur B dalam konteks 1, iaitu “boh omeledd?” tidak mensyaratkan rujukan “dia” perlu ditujukan kepada diri orang ketiga ataupun rujukan benda tetapi lebih menjurus kepada diri penutur A itu sendiri.

Data 5: Konteks (2):

- Penutur B : manæh yagi tu?
 manis ragi tu?
- Penutur M : tʃeʔ bukan bu^wat pulu^t, tʃeʔ bu^wat apom
 cek bukan buat pulut, cek buat apom.
- Penutur B : kalaw **di**a taʔ manæh pøn depa næʔ ka?
 kalau *dia* tak maneih pun depa naeik ka?

Penutur B mengungkapkan rujukan *dia* yang secara jelasnya merujuk kepada rujukan tidak bernyawa, iaitu benda ‘ragi’. Penghasilan rujukan *dia* yang berupa GND3 tidak lagi merujuk kepada orang tetapi kepada rujukan benda. Maka, ekspresi diektik ‘dia’ boleh diterima sebagai rujukan bukan manusia.

Data 6: Konteks (3):

- (1) Penutur M : e^h e^h...awat la kuyan sopan sangat ni tu^wan ajaʔ kot dəpan ni.
 Eih, eih...kenapa la kurang sopan sangat ni tuang air di depan ni
- (2) Anak penutur A : tʃawan ni kotoʔ pula?
 cawan ni kotor pula.
- (3) Penutur M : kotoʔ **han**g! amboy, bəyseh sangat la **di**a tu.
 Kotor hang!. Amboi..! Bersih sangat la dia tu...

Penutur M dalam ujaran (3) mengungkapkan rujukan *dia* yang ditujukan kepada diri orang kedua, iaitu anak kepada penutur A yang pada ketika itu menjadi pendengar. Penutur M mengungkapkan rujukan pendengar sebagai “hang” dan kemudiannya, penutur mengungkapkan *dia* kepada pendengar. GND ‘hang’ dan ‘GND ‘dia’ secara dasarnya berfungsi pada darjah rujukan yang berbeza. Jika penutur M menggantikan ungkapan *dia* kepada **hang** seperti ayat berikut, “*Kotor hang! Amboi! Bəyseh sangat la hang tu*” maka penggunaan rujukan *hang* akan kedengaran kurang santun dan kasar untuk ditujukan kepada pendengar. Penggunaan rujukan *dia* dalam konteks ini dianggap sebagai ekspresi rujukan umum yang seolah-olah tidak ditujukan secara khusus kepada pendengar tetapi mengandungi unsur kiasan, iaitu penutur mungkin menyindir pendengar.

Data 7: Konteks (4):

- Penutur M: jala, daʔ kita nampaʔ **di**a kata **di**a naʔ bəladzaʔ **di**a lagi. læn ha: ɔyan
 jan læn (tekanan) læn, bukan sama.
 yala...dak kita nampak dia kata dia nak belajar dia lagi. lain, ha...orang yang
 lain (tekanan) lain, bukan sama...

Rujukan GND *dia* yang diujarkan sebanyak tiga kali memberi penekanan bahawa rujukan yang diperkatakan merujuk diri orang ketiga yang disasarkan oleh penutur dalam peristiwa tutur. Oleh itu, ekspresi diektik *dia* telah mempamerkan empat jenis fungsi yang berbeza yang digunakan sebagai rujukan kepada orang dalam kategori GND1 “saya”; GND2 “awak” dalam lakuan menyindir dan GND3 “dia” serta rujukan kepada benda.

Sehubungan itu, interpretasi makna diektik ganti nama diri DKKS dapat diringkaskan sebagaimana dalam pemaparan jadual 2 yang berikut:

JADUAL 2. Interpretasi makna diektik ganti nama diri

Fungsi GND	GND 1	GND 2	GND 3	GND (1+2)	Interpretasi Makna
Kita				✓	Ujaran ekspresif mengajuk subjek rujukan
Kami	✓			✓	Rujukan berdasarkan persekitaran peristiwa tutur
Cek	✓				<i>Cek oi</i> = ujaran seruan yang ada kesan perasaan
Dia	✓	✓	✓		Rujukan benda

Ekspresi diektik **kita** membentuk ujaran ekspresif mengajuk subjek yang dirujuk oleh peserta deiksis semasa berinteraksi. Selain itu, ekspresi ini juga boleh merujuk penglibatan penutur dengan peserta-peserta lain dalam perbualan yang berlangsung. Ekspresi diektik **kami** digunakan apabila merujuk peserta luar daripada peristiwa tutur sedang berlangsung, iaitu tidak merujuk kepada penutur itu sendiri. Manakala penggunaan ekspresi diektik **cek** yang merupakan GND 1 diekspresikan sebagai **cek oi** sebagai ujaran seruan yang mempunyai kesan emotif yang ditujukan terhadap pendengar. Ekspresi diektik **dia** yang berfungsi sebagai ganti nama diri orang pertama, kedua dan ketiga boleh digunakan untuk rujukan kepada benda.

VOKATIF

Vokatif adalah merujuk kepada pendengar sama ada sebagai kata nama panggilan atau kata nama sasaran dan bentuknya bukan sebagai argumen kepada predikat (Huang, 2007, hlm. 143). Ekspresi diektik vokatif menjadi sebahagian elemen yang penting kerana identiti seperti nama timangan, nama peribadi, gelaran dan kekerabatan dapat diketahui. Oleh yang demikian, terdapat satu bentuk ekspresi vokatif yang diperolehi iaitu secara kata nama sasaran melalui nama timangan yang diujarkan sebagaimana dalam data 8 yang berikut:

Data 8:

Penutur B : sapa tu?

siapa tu?

Penutur A : ma

Ma...

Konteks ujaran menunjukkan tema yang diperbualkan adalah berkenaan orang ketiga yang berada jauh daripada persekitaran konteks ujaran antara penutur A dan penutur B. Semasa perbualan berlangsung di anjung rumah, muncul subjek yang tidak dapat dikenali oleh penutur B. Lantaran itu, penutur B bertanyakan kepada penutur A dan hanya menjawab *Ma*. Dalam kes ini, *Ma* dianggap sebagai ekspresi diektik vokatif kata nama sasaran yang dilihat oleh penutur A dan penutur B. Kedua-dua penutur tersebut dilihat memiliki pengalaman dan pengetahuan yang sama mengenai peserta deiksis yang disasarkan. Oleh itu, apabila ungkapan *Ma* digunakan, kedua-dua peserta (A dan B) memahami siapa *Ma* yang dirujuk iaitu panggilan ibu kepada peserta.

DEIKSIS MASA

Deiksis masa menekankan pengekodan titik masa dalam ruang masa yang menyebabkan pengujaran dihasilkan dalam peristiwa tutur (Huang, 2007, hlm. 144). Deiksis masa

ditentukan melalui dua faktor, iaitu diektik adverba masa dan sistem masa yang berkala. Dalam kajian ini, didapati deiksis masa dalam DKKS ditentukan melalui penggunaan diektik adverba masa seperti *dulu*, *sekarang* dan *nanti* dan penggunaan diektik adverba masa mengikut bilangan hari *semalam*, *hari ini* dan *esok*. Selain itu, terdapat juga penggunaan sistem masa berkala seperti *sudah*, *pernah*, *tengah* dan *lepaih zohor*. Deiksis masa dirujuk dalam konsep rujukan reruang kerana faktor ini yang menentukan ruang masa yang diujarkan oleh peserta penutur. Kebergantungan kepada konsep reruang ini yang menyebabkan pembinaan konsep masa yang lebih sukar untuk ditentukan atau dengan istilah lain, deiksis masa bersifat elusif (Maienborn et al., 2012, hlm. 17). Bentuk unit gramatikal yang mengekodkan masa DKKS dipamerkan seperti dalam jadual 3.

JADUAL 3. Rujukan diektik adverba masa dalam DKKS

Unit Diektik Adverba Masa					
	2	1	0	1	2
BMS	dulu	tadi	sekarang	nanti	kelak
DKKS	dulu	satni	Sekaghang/la	satni	-
	penah	dah	dok tengah/tengah	-	
	kelmarin	semalam	Hari ini	esok	

BMS-Bahasa Melayu Standard

EKSPRESI DIEKTIK “SEKARANG”

Ekspresi *sekaghang* ‘sekarang’ merujuk masa yang berlaku pada hari ini atau baru berlaku pada saat ini. Namun begitu, ekspresi ini juga merujuk kepada satu penggunaan masa yang lebih luas, iaitu melibatkan perubahan zaman pada masa kini dan bukannya pada masa hari ini [-masa segera]. Maienborn et.al (2012) menyatakan “...*now* may refer to the very moment of the speech event, but may also refer to a larger time period that includes the time of the current speech event”.

Data 9:

- (1) Penutur B : $\text{oyan tenjo? sakayan}$ ada kipa^h, pan^h
 Orang tengok sekarang ada kipas, panas.
- (2) Penutur B : ni di sana dah ta²da dah sakayan ni tau
 Ini di sana sudah tidak ada sudah sekarang ini tahu.

Ekspresi penggunaan masa *sekaghang* dalam ujaran (1) dan (2) memberikan penandaan penggunaan masa yang berbeza iaitu [+zaman hari ini] dan [+hari ini]. Selain itu, masa *sekaghang* mempunyai penandaan khusus dalam dialek Kedah iaitu ‘la’.

EKSPRESI DIEKTIK “LA”

Ekspresi masa *la* telah menghasilkan dua darjah penggunaan masa yang berbeza iaitu masa ‘lala’ dan masa ‘la ni’. Ekspresi ujaran *lala* sebagai masa yang perlu berlaku dalam keadaan yang segera dan cepat. Ekspresi diektik masa *lala* melibatkan lakuan kerjiaan yang segera atau rujukan masa yang memerlukan pendengar untuk menyelesaikan tindakan yang segera melalui ungkapan ekspresi masa *lala*. Penggunaan ekspresi masa *la ni* merujuk kepada makna ‘sekarang’. Ekspresi rujukan *la ni* sebagai perkara yang dilakukan oleh penutur bukan pada saat itu tetapi merujuk kepada pekerjaan yang dilakukan olehnya [+keperibadian].

Data 10:

- (1) penutur M : da? di'a kata ta? sɔmpat, di'a tu sɔbɔnaŋna bubɔf. ni na?
makan **lala** tu. yamay ɔyan
Tidak, dia tidak sempat, dia itu sebenarnya bubur. Ini hendak
makan sekarang itu. Ramai orang.
[+masa segera]

Ekspresi diektik masa *lala* melibatkan lakuan kerjaan yang segera atau rujukan masa yang memerlukan pendengar untuk menyelesaikan tindakan yang segera melalui ungkapan ekspresi masa *lala*.

Ayat ujaran (2) dan (3) dalam data 11 pula memperlihatkan penggunaan ekspresi masa *la ni* yang merujuk kepada makna 'sekarang'.

Data 11:

- (2) Penutur N : dɔ? bu^wat apa **la ni**, sihat suma ka?
Sedang buat apa sekarang ini, semua sihat ke? [-masa segera]
(3) Penutur A : dda?, ta? bubɔh pɔn. bɔh tɔpɔŋ pɔ:da dʒa. di'a lupa dah
sampay kɔ **la ni** aku ta? iŋat lagu mana yɔsɔpi dia
Dak, tak buboh pun! Boh tepung poda ja... dia lupa dah sampai ke la
ni aku tak ingat lagu mana dah resepi dia.
[+hari ini]

Melalui konteks ujaran 2 dalam data 11, ekspresi rujukan *la ni* merujuk kepada sesuatu perkara yang dilakukan oleh penutur bukan pada saat itu tetapi merujuk kepada pekerjaan yang dilakukan olehnya [+keperibadian]. Manakala ujaran (3) memperlihatkan ekspresi *la ni* difahami sebagai makna rujukan 'sekarang'.

EKSPRESI DIEKTIK "DULU"

Data 12:

- (1) Penutur A : lupa dah hayh aku. **dulu** dɔ? bu^wat luppa pi dah hayh
Lupa sudah aku, dulu buat lupa sudah...
(2) Penutur N : dʒɔm, **bale? dulu** la noh bila-bila may yumɔh aku na:
jom balik dulu lah noh, bila-bila mai ruma aku na.
(3) Penutur Mak : haŋ **bale? sana** koy apa? pay^h lɔhɔŋ ka?
hang balik sana pukul berapa? Lepas zohor ke?

Ekspresi rujukan masa *dulu* dalam ujaran (1) data 12, memperlihatkan fungsinya sebagai rujukan masa yang telah lama berlaku. Walau bagaimanapun, ekspresi dalam ujaran (2) menunjukkan *dulu* bukan diujarkan untuk rujukan masa yang telah lama berlaku tetapi merujuk kepada lakuan penutur untuk bergerak menjauhi pusat diektik atau menjauhi peserta deiksis. Ekspresi *balik dulu* yang diujarkan oleh penutur mensyaratkan penutur untuk bergerak pergi ke sesuatu tempat yang dihajati dan dikehendakinya. Manakala, ujaran (3) menunjukkan *balik sana* memerlukan titik sesuatu arah atau destinasi yang dihajati. Dengan kata lain, rujukan tempat yang dirujuk oleh penutur. Oleh itu, ekspresi masa *dulu* mempunyai fungsi untuk menandakan penggunaan masa yang telah berlaku. Ekspresi *balik dulu* dan *balik sana* mempunyai darjah ukuran yang berbeza kerana *balik dulu* melibatkan penggunaan masa

yang segera dan bergerak menjauhi pusat diektik dan ekspresi *balik sana* melibatkan penggunaan masa yang tidak dapat dipastikan dan bukan melibatkan masa yang segera.

EKSPRESI DIEKTIK “SATNI” DAN “SATGI”

Konteks ujaran (1) dan (2) memperlihatkan penggunaan ekspresi masa *satni* yang menjadi ekspresi rujukan masa yang wujud secara khusus dalam DKKS. Ekspresi masa *satni* dalam ujaran (1) diinterpretasikan dalam ruang-masa ‘nanti’ dan ekspresi ini merujuk kepada lakuan masa yang belum berlaku atau masa akan datang.

Data 13:

- (1) Penutur : ɡɔŋɛŋ dah la ma? oi. **satni** na? bale? sana dah.
goreng sudah lah mak. Nanti nak balik sana. [+ masa nanti]
- (2) Penutur C : dʒɔm dʒɔm pi dapɔŋ kami dɔ? masa? **satni**ⁱ
jom, jom pergi dapur. Kami dok tengah masak satni. [+masa seketika]
- (3) PenuturA: ɔŋɛŋ ʏamay masa ni, tu jaŋ aku adʒa? bale?. **satgi** kɔy ʏamay lagi. orang
ramai masa ini, itu yang aku ajak balik. Sekejap lagi makin ramai lagi.

Sementara bagi ayat ujaran (2) pula, penggunaan *satni* merujuk kepada penggunaan masa yang telah digunakan dan masa yang telah lepas, iaitu ‘tadi’. Penggunaan ekspresi masa *satgi* dalam ayat ujaran (3) yang merujuk kepada dua penggunaan masa, iaitu rujukan masa tunggu sebentar atau sekejap dan merujuk kepada interpretasi makna ‘nanti’.

EKSPRESI DIEKTIK “MAGHIN” DAN “SEMALAM”

Ekspresi rujukan masa *maghin* dan *semalam* adalah ekspresi yang digunakan bergantung kepada hari yang telah lepas daripada titik hari ini. Ekspresi diektik masa *maghin* yang terbit daripada bentuk leksikal ‘kelmarin’ bermaksud ‘dua hari sebelum hari ini’ dan ekspresi makna *semalam* adalah satu malam yang telah digantikan dengan malam yang baru atau satu malam yang berganti dengan malam yang berikutnya. Konteks ujaran yang memperlihatkan penggunaan ekspresi *maghin* dan *semalam* dipaparkan melalui data 14 iaitu perbualan antara emak dan anaknya mengenai tema baju yang dirujuk sebagai rujukan objek.

Data 14:

- Penutur Mak : ni ka jaŋ bɔli **mayin**?
ni ka yang beli maghin?
- Penutur B : da? ay^h, ni had pakay **semalam**.
Dak aih, ni baju pakai semalam.

Ekspresi diektik masa *maghin* yang diujarkan dengan mudah ditanggapi oleh pendengar dan secara automatik mengambil giliran bertutur dengan menginterpretasikan ekspresi masa *maghin* kepada *semalam*. Maka, ekspresi masa *maghin* dan *semalam* yang diujarkan oleh peserta penutur mempamerkan dua bentuk gerak balas yang berbeza.

EKSPRESI DIEKTIK “DOK”

Ekspresi *dok* mempunyai interpretasi makna yang berbeza, yang ditentukan berdasarkan konteks ujaran yang berikut:

Data 15:

- (1) Penutur C : depa ada nu **do?** pan tivi.
 Mereka ada duduk di hadapan televisyen.
- (2) Penutur B : mana ana? ha? laki mana? ha: tudia **do?** situ.
 Mana anak lelaki hang? Haa, tudia dok situ.
- (3) Penutur A : wóllóhuaʼlam kami pón ta? taw. di'a kata boleh **do?** sini laki dia
 bagi wallahu'alam kami pun tak tau. Dia kata boleh dok sini laki dia
 bagi.
- (4) Penutur A : lupa dah hayh aku. dulu **do?** bu^wat lupa pi dah hayh
 lupa dah haih aku. dulu dok buat lupa pi dah haih...
- (5) Penutur C : dʒom dʒom pi dapɔʼ kami **do?** masa? satniⁱ
 jom, jom pergi dapur. Kami dok tengah masak satni.

Ekspresi *dok* dalam ujaran (1) menunjukkan interpretasi makna sebagai ‘duduk’ atau ‘ada’. Ujaran (2) menggunakan ekspresi *dok* untuk rujukan lokatif yang bersifat statik, iaitu menggambarkan posisi lokasi sesuatu entiti sama ada posisi pelaku, posisi objek atau posisi peristiwa yang berlaku (Maslida, 2009). Ekspresi lokatif *dok situ* telah diekspresikan kepada sasaran yang dilihat secara jelas oleh penutur. Titik ekspresi *dok situ* melibatkan titik perubahan lokatif yang disaksikan oleh penutur terhadap sasaran. Begitu juga dengan ujaran (3) kerana melibatkan titik lokatif ekspresi *dok sini* yang mengandungi makna interpretasi menetap atau satu pemakaian konsep lokatif yang lebih meluas. Manakala, ayat ujaran (4) memperlihatkan ekspresi *dok* tidak merujuk kepada aktiviti [-duduk], [-lokatif] dan [-menetap], tetapi ekspresi tersebut merujuk penggunaan masa yang sudah berlalu [+masa berlalu]. Begitu juga ekspresi *dok tengah* dalam ayat ujaran (5) tidak merujuk kepada lakuan ‘duduk di tengah’, tetapi merujuk kepada penggunaan ekspresi masa yang sedang dilakukan oleh penutur, iaitu bercirikan [+hari ini] dan [+sedang]. Selain itu, ekspresi *dok tengah* juga melibatkan aspek lakuan egosentrik yang dilakukan oleh peserta deiksis pada ketika itu. Berdasarkan keperihaln keadaan penggunaan ekspresi *dok*, didapati ayat ujaran (4) dan (5) menepati penggunaan ekspresi diektik masa kata bantu melalui rujukan masa sebagai penggunaan [+masa berlalu] dan [+hari ini] dan [+sedang]. Oleh itu, ekspresi masa *dok* dan *dok tengah* mendokong makna dalam sistem masa yang melibatkan kata kerja bantu aspek.

DEIKSIS RERUANG

Deiksis ruang menekankan aspek tempat atau lokasi yang wujud secara relatif dalam ruang peserta deiksis dalam peristiwa tutur (Huang, 2007, hlm. 149). Dialek Kedah mempunyai seperangkat penggunaan elemen diektik ruang sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4 yang berikut:

JADUAL 4. Penggunaan elemen diektik DKKS

Demonstratif									
BMS		Ini			itu			Begini	Begitu
DKKS	<i>ni</i>	<i>nidia</i>	<i>had ni</i>	<i>tu</i>	<i>tudia</i>	<i>had tu</i>	<i>lagu ni</i>	<i>lagu tu</i>	
Ruang/Lokatif									
BMS		Sini				Sana			Situ
DKKS	<i>Sini</i>	<i>tang ni</i>			<i>sana</i>		<i>Tang tu</i>	<i>nu</i>	

EKSPRESI DIEKTIK “NI” DAN “HAD NI”

Ekspresi demonstratif *ni* ialah kata singkatan yang terbentuk daripada leksikal ‘ini’ dan ekspresi demonstratif *had ni* ‘yang ini’ pula merupakan ekspresi yang khusus yang dipertuturkan dalam dialek Kedah.

Data 16:

- (1) Penutur M: səkətuy **ni** bu^wat dalam bəkay^h ay^hkeym kan ta? paja^h bu^wat
bəsaʔ-bəsaʔ takot ta? səmpat ada oyaŋ oda ketəriŋ ka pa kan
Seketul ni buat buat dalam bekas aiskrim tu kan, tak payah buat besaq-besaq,
takut tak sempat ada orang order catering ka pa kan

Ekspresi diektik *ni* merujuk benda yang pada ketika itu dipegang oleh penutur M. Ekspresi rujukan *ni* diujarkan dengan tidak dipertunjukkan lakuan isyarat gerak tubuh ‘menunjuk’ kerana dalam ujaran (1) memperlihatkan *ni* bukan sebagai rujukan yang perlu melibatkan gerak tubuh. Hal ini kerana ekspresi *ni* dijadikan sebagai satu lakuan untuk memberi gambaran ‘*demonstrate*’. Dengan itu, ekspresi penggunaan *ni* tidak memaksudkan menunjuk atau ‘*pointing*’. Selain itu, ekspresi *ni* yang hadir dalam komunikasi antara penutur dengan penutur yang lain telah menjadi bentuk lazim dan konstituen biasa yang diujarkan semasa berinteraksi. Keadaan ini menggambarkan ekspresi *ni* sebagai penggunaan ekspresi diektik simbolik. Namun, penggunaan *ni* juga perlu bergantung pada keperihalan keadaan dan tidak semestinya penggunaan ekspresi *ni* hadir sebagai unit kelaziman dan penggunaan simbolik semata-mata.


Data 17:

- (2) Penutur B: tʃe? na? kupay^h kulet diʔa. may su^wa sat pisaw kat ma? tu. **had ni**
tadzam siket kot kəley^h abah do? asah səmalam ni.
ceq nak kupas kulit. Minta pisau dekat mak itu. Yang ini tajam siket
sebab tengok ayah asah semalam.

Sasaran : Penutur M dilihat sedang memegang ragi di tangannya.

- (3) Penutur A : **had ni** memaj la elə? maney^h. diʔa pon ada gula.
yang ni memang la elok, manis. Dia pun ada gula.

Berdasarkan konteks ujaran (2), didapati penutur B mengekspresikan *had ni* sambil memberi isyarat gerak tubuh iaitu memegang objek. Tindakan tersebut juga menyebabkan ekspresi *had ni* menjadi rujukan yang pada kedudukan yang dekat atau proksimal dengan penutur. Berbeza pula dengan konteks ujaran (3) yang memperlihatkan penggunaan ekspresi diektik *had ni* ialah rujukan yang merujuk kepada objek yang distal atau jauh dengan penutur. Ekspresi rujukan *had ni* yang diujarkan oleh penutur A hanya menghasilkan isyarat gerak tubuh secara menunding jari ke arah objek yang dirujuknya pada ketika itu dipegang oleh interlocutor. Maka, bagi penggunaan ekspresi *had ni*, ia boleh digunakan pada rujukan yang berkedudukan proksimal dan distal seperti mana yang ditunjukkan dalam rajah 3 berikut:



RAJAH 3. Penggunaan ekspresi *had ni*

Oleh yang demikian, penggunaan ekspresi *ni* merujuk kepada rujukan demonstratif pada lakuan ujaran yang bersifat biasa kerana penggunaannya sering hadir dalam interaksi perbualan. Penggunaan ekspresi *had ni* menimbulkan dua konteks rujukan makna yang berbeza iaitu rujukan ekspresi *had ni* yang merujuk kepada isyarat memegang dan ekspresi rujukan *had ni* yang merujuk kepada isyarat menunjuk atau menunding jari.

EKSPRESI DIEKTIK “TU DIA”

Rujukan ekspresi *tudia* pula memperlihatkan ekspresi arah dan kedudukan jarak tempat yang tidak jauh dan tidak dekat ‘medial’ dengan penutur tetapi ia masih dapat dilihat secara visual dengan jelas.

Data 18:

- (1) Penutur B: mana ana? haŋ laki mana? ha: **tudɪa** dɔ? situ.
mana anak lelaki hang? Haa, *tudia* dok situ.
- (2) Penutur M: kat kawan tʃe? **tu** kan, dua tʃawan ajaʃ, tiga tʃawan tɔpɔŋ sətʃawan gula
dapatla
Kat kawan cek tu kan, dua cawan air, tiga cawan tepung secawan gula
dapatlah.
- (3) Penutur A: yagi **tu** tiga tʃawan?
ragi tu tiga cawan?

Sementara itu, bagi ujaran (2) dan (3) pula memperlihatkan penggunaan rujukan *tu* yang diujarkan oleh penutur M dan A. Pada hakikatnya, ekspresi *tu* adalah rujukan yang dibuat kepada objek yang jauh atau distal. Keadaan ini diperlihatkan dalam ujaran (3). Namun demikian, ekspresi rujukan *tu* yang dirujuk dalam ayat ujaran (2) bukan rujukan kepada objek yang distal tetapi penulis menganggap rujukan ini sebagai satu kelaziman yang biasa hadir dalam komunikasi.

Malah, penggunaan ekspresi *tu* mahupun *ni* dianggap satu fenomena biasa yang muncul secara kerap dalam interaksi komunikasi. Yaguchi (2001, hlm. 1125) menyatakan kelaziman bentuk demonstratif sebagai bukan deiktik. Tambahnya lagi, walaupun kata demonstratif tidak digunakan dalam binaan ujaran, tetapi bentuk ayat yang dihasilkan masih gramatis dan fenomena ini berlaku daripada representasi perspektif kognitif manusia. Oleh yang demikian, ekspresi demonstratif *tu* yang merujuk kepada sesuatu objek yang jauh menjadi satu kelaziman yang sering diujarkan dalam perspektif komunikasi. Manakala bagi penggunaan ekspresi *tudia* pula mendokong makna rujukan arah dan kedudukan jarak yang medial, iaitu antara jarak kedekatan dengan jarak kejauhan.

EKSPRESI DIEKTIK “LAGU TU”

Penggunaan ekspresi diektik *lagu tu* merujuk kepada rujukan makna ‘seperti itu’ atau ‘macam itu’. Selain itu, bentuk leksikal tersebut juga menjadi salah satu ekspresi rujukan yang dipertuturkan dalam DKKS secara khususnya.

Data 19:

- 1 Penutur B : (maʃ, maʃ naʃ taw daʃ diʃa tudʒɔʃ dalam itɔned matʃam-matʃam) ^{A1}
mak, mak nak tau dak dia tunjuk dalam internet macam-macam.
- 2 Penutur C : (siap du^wed la kalaw haŋ naʃ **lagu tu**) ^{A2}
Siap duit la kalau hang nak macam tu.

Ekspresi rujukan *lagu tu* berhubungan dengan maklumat awal yang telah diberikan oleh penutur B dalam ujaran terdahulu, iaitu A1. Dalam konteks ini, ekspresi *lagu tu* boleh diinterpretasi sebagai “jika berkehendakkan sebegitu atau sedemikian”. Selain itu, penggunaan penandaan penggantian *lagu tu* sebenarnya adalah untuk memberi penekanan terhadap maklumat yang telah disampaikan menerusi ujaran (1). Keadaan ini sejajar dengan pendapat Maienborn et al. (2012, hlm. 21) yang menyatakan “...perhatian bersama bukan sahaja penting untuk menyumbang kesedaran tumpuan interlokutor dalam situasi perbualan dan ia juga memainkan peranan dalam organisasi dalam wacana”.

EKSPRESI DIEKTIK “NU”

Situasi ujaran (1) dan (2) dalam data (20) menunjukkan penutur mengekspresikan rujukan adverba *nu*. Penggunaan adverba lokatif ini juga diertikan dengan ekspresi demonstratif adverba ‘sana’ tetapi pada darjah kejauhan ‘distal’ yang berbeza.

Data 20:

- (1) Penutur C : depa nu dɔʔ pan tivi
Depa ada duduk di depan televisyen
- (2) Anak kepada Penutur C : maʔ ada ɔʔaŋ may **nu**: sapa diʔa pɔn taʔtaw
Mak, ada orang datang. Sapa pun tak tau.

Ekspresi demonstratif adverba *nu* memperlihatkan fungsi penggunaan bagi rujukan yang pada kedudukan jauh atau distal. Malah, penggunaan ekspresi *nu* yang memperlihatkan dua fungsi penggunaan jelas agak berbeza kerana menerusi konteks (1), ekspresi demonstratif adverba lokatif *nu* merujuk kepada makna adverba ‘sana’ tetapi dalam konteks (2), penggunaan ekspresi *nu* boleh jadi merujuk kepada demonstratif ‘itu’. Maka, penggunaan ekspresi demonstratif adverba *nu* harus disesuaikan dengan konteks yang melatarinya agar makna rujukan yang dibuat dapat dijelaskan selaras dengan rujukan yang ditunjukkan. Hal ini adalah untuk mengelakkan kecelaruan rujukan akibat daripada salah pentafsiran makna penggunaan ekspresi demonstratif adverba *nu*. Levinson (2004, hlm. 107) menyatakan “...analisis terhadap penggunaan demonstratif adalah lebih kompleks kerana peranannya yang mengandungi multifungsi dalam bahasa dan unit-unit tersebut juga bukan sahaja digunakan untuk menunjuk kepada sesuatu tetapi untuk mengesan rujukan dalam wacana yang secara umumnya lebih berkontras berbanding ekspresi rujukan yang lain”.

EKSPRESI DIEKTIK “TANG”

DKKS menjadikan ekspresi *tang* sebagai antara bentuk diektik untuk merujuk kepada ekspresi arah pada kedudukan bagi sesuatu tempat dan objek. Bentuk ekspresi *tang ni* merujuk kepada tempat peserta deiksis sedang berada. Ungkapan *tang ni* juga memperlihatkan kedudukan rujukan adalah dekat ‘proksimal’ dengan penutur yang mengungkapkan ekspresi tersebut. Selain itu, ekspresi *tang ni* juga boleh diertikan dengan makna ‘di sini’.

Data 21:

- (1) Penutur C : may makan **tang ni** la: satni haŋ bale?
mari makan tang ni la. Satni hang balik lah.
- (2) Penutur B : diʔa taʔ dzadi maʔsam liʔat **taŋ teŋaŋ** kan?
dia tak jadi macam liat tang tengah kan?

Penggunaan *tang* merujuk kepada arah kedudukan bagi sesuatu objek yang dirujuk oleh peserta deiksis. Ekspresi *tang tengah* merujuk kepada kedudukan bahagian tengah objek yang menjadi tema penutur untuk diberi penekanan rujukan kepada interlocutor. Selain itu, ekspresi *tang tengah* juga mendokong makna penggunaan deiktik simbolik yang tidak memerlukan pergerakan atau lakuan fizikal untuk menunjuk. Oleh yang demikian, ekspresi ‘tang’ mendokong fungsi kata sendi seperti ‘di’ ataupun ‘dekat’ yang pada masa yang sama mendokong fungsi sebagai rujukan arah tempat dan objek yang tertentu bergantung pada kehendak dan keperluan peserta deiksis semasa berinteraksi.

EKSPRESI DIEKTIK LOKATIF “SINI,” “SANA” DAN “SITU”

Ekspresi diektik demonstratif ruang dalam dialek Kedah juga ditentukan melalui penggunaan ekspresi demonstratif lokatif *sini*, *sana* dan *situ*.

Data 22:

- 1 Penutur A : di'a pøn na? may nae? moto ta? da? lesen.
dia pun nak mai naek moto takdak lesen.
- 2 Penutur M : di'a tu yødza *sini* ka pa?
dia tu keja sini ka pa?
- 3 Penutur A : wóllóhua'lam kami' pøn ta? taw. di'a kata boleh *do? sini* laki dia bagi
Wallahu'alam kami pun tak tau. Dia kata boleh dok sini laki dia bagi.

Penggunaan ekspresi rujukan *sini* disasarkan kepada ‘dia’. Ekspresi rujukan *sini* bukan bererti sasaran berada dalam persekitaran perbualan peserta deiksis, tetapi merangkumi konsep demonstratif lokatif yang lebih luas, iaitu sempadan kawasan di mana peserta deiksis tinggal atau menetap yang mungkin terangkum di bawah satu mukim atau satu daerah yang khusus.

Data 23:


- 4 Penutur M : pasay pa ta? maney^h?
Kenapa tak manis?
- 5 Penutur A : di'a bu^wat ta? yoti^j. di'a ta? yoti^j. hm:
dia buat tak reti. dia tak reti.
- 6 Penutur B : ni *di sana* dah ta? ada dah səkayan ni taw.
ni di sana dah tak ada dah sekarang ni tau.

Penggunaan ekspresi *sana* yang diungkapkan oleh penutur memberikan penandaan lokatif yang hanya diketahui oleh penutur yang mengujarkannya. Peserta deiksis yang lain hanya mengambil maklumat yang disampaikan kerana mereka tidak mengalami pengalaman seperti yang dialami oleh penutur B. Ekspresi *sana* melibatkan bagaimana penutur melihat dunia gambaran kehidupan yang dialaminya sendiri.

Data 24:

- 7 Penutur B : mana ana? haŋ laki mana? ha: tudia do? *situ*.
mana anak lelaki hang? Haa, tudia dok situ.
- 8 Penutur A : teŋo? dza bəsaŋ tu dzah nam dah yupa dádžáh tigá
tengok ja besar tu, darjah enam dah rupa orang darjah tiga.
- 9 Penutur M : ma: oŋaŋ kata dádžáh tigá pəŋaŋ^j pøn ləbe^h kuŋaŋ.
mau orang kata darjah tiga, perangai pun lebih kughang.

Ekspresi rujukan *situ* diungkapkan oleh penutur B yang menyasarkan subjek yang dirujuknya. Bentuk hubungan komunikasi yang terjalin antara penutur memperlihatkan ekspresi diektik *situ* adalah jauh daripada penutur tetapi masih boleh dilihat oleh peserta penutur. Kedudukan lokatif bagi penandaan kata *sini*, *situ* dan *sana* digambarkan seperti dalam rajah 4 yang berikut:



RAJAH 4. kedudukan deiksis ruwang *sini*, *situ* dan *sana*

Ekspresi rujukan *sini* adalah dekat dengan penutur, rujukan kedudukan *situ* pula berada dalam lingkungan *sini* dan rujukan lokatif *sana* pula berada dalam lingkungan yang lebih jauh dengan peserta penutur. Penggunaan ekspresi diektik *sini*, *situ* dan *sana* mengisi fungsi distingtif *dekat-tengah-jauh*. Rujukan terhadap objek pada kedudukan ekspresi *sini* dan *situ* ialah rujukan yang mudah didekati oleh peserta penutur. Rujukan objek *sini* adalah ekspresi rujukan yang melibatkan ruwang jarak lokatif yang tiada ukuran keluasan kawasan yang tertentu. Ekspresi rujukan *sana* perlu melibatkan maklumat yang disimpan dalam kognitif penutur untuk membolehkan penutur menyatakan pengetahuan dan pengalamannya kepada pendengar. Penutur juga menyimpan gambaran seperti rupa dan bentuk yang hanya diketahui olehnya sahaja. Penggunaan ekspresi *sana* memperlihatkan tidak berlakunya sebarang perkongsian maklumat yang sama antara peserta penutur. Penggunaan ekspresi rujukan objek yang dalam kedudukan *situ* menyebabkan penutur dapat memberi isyarat menunjuk secara gerak tubuh dan dalam masa yang sama terbentuknya jalinan perkongsian pengetahuan yang sama melalui isyarat gerak fizikal.

EKSPRESI DIEKTIK ARAH

Kerangka rujukan ekspresi diektik arah dinilai melalui dua aspek iaitu kinetik atau ekspresi diektik gerakan imbuhan apitan, morfem dan partikel; dan kata kerja gerak 'come' dan 'go' (Huang, 2007, hlm. 160). Dalam rujukan ekspresi diektik arah, dialek Kedah lebih cenderung menggunakan kata kerja gerak melalui penggunaan ekspresi **mai** 'mari' dan **pi** 'pergi' dan 'balik'. Kata kerja gerak 'mai' menunjukkan seperangkat penggunaan deiktik tetapi kata kerja gerak 'pi' dan 'balik' tidak menunjukkan penggunaan deiktik. Rujukan ekspresi diektik arah dijelaskan berdasarkan sama ada mengandungi unsur pergerakan yang positif dan pergerakan yang negatif ataupun pergerakan yang mendekati titik projeksi diektik dan menjauhi titik projeksi diektik.

Data 25:

- 01 Penutur A : di^la p^on na? **mai** nae? mutu ta? da? lesen.
 dia pun nak mai naik motor tak dak lesen.
- 02 Penutur N : sádzá lalu k^ot ni t^oŋ^o? ada yeta haŋ aku **mai** la: lama noh ta? dzumpa.
 jalan sini tengok ada kereta hang, aku mai lah. Lama tidak jumpa.
- 03 Penutur C : **mai, mai, mai, mai.** maso?. awat may ta? habaŋ lu.
 mai..mai..mai..mai. Masuk. Kenapa datang tak beritahu dulu.
- 04 Penutur C : **mai** makan taŋ ni la sat ni haŋ bale? la
 mai makan tang ni. Satni hang balik lah.
- 05 Penutur A : **mai^h mai^h mai^h sini mai^h**
 mai^h, mai^h, mai^h sini mai^h.

- 06 Penutur B : tʃeʔ naʔ kupay^h kulet di^{ja}. **mai** su^{wa} sat pisaw kat maʔ tu. had ni tadʒam siket kot kəley^h abah doʔ asah səmalam ni.
Cek nak kupas kulit dulu. Mai hulur pisau dekat mak itu. Had ini tajam siket tengok abah asah semalam.
- 07 Penutur B : **mai** du^wet...
mai duit...

Huang (2007, hlm. 161) menyatakan ekspresi ‘*come*’ sangat kompleks dalam bahasa Inggeris dan faktor kompleks ini juga diperhatikan wujud dalam ekspresi penggunaan *mai* dialek Kedah. Ekspresi *mai* dalam ujaran (1) data (25) memberikan penandaan fungsi sebagai isyarat [+datang/menghampiri] kerana interpretasi ujaran merujuk kepada lakuan yang bergerak menghampiri titik projeksi diektik. Ekspresi *mai* yang diujarkan oleh penutur adalah untuk memberikan isyarat penandaan bahawa subjek sasaran berada dalam lingkungan dan jarak yang dekat atau hampir dengan kawasan di mana penutur sedang menetap. Ujaran (2) memperlihatkan ekspresi *mai* mendokong makna [+singgah] dan boleh juga mendokong isyarat “menghampiri atau datang”. Tetapi, berdasarkan ujaran yang terhasil, makna rujukan singgah adalah lebih serasi dibandingkan dengan isyarat menghampiri atau datang. Ekspresi pergerakan *mai* dalam konteks ujaran (2) memperlihatkan penutur bergerak mendekati pusat diektik. Sungguhpun demikian, rujukan ekspresi *mai* dalam ujaran (3) dan (4) menunjukkan interpretasi makna yang berbeza, iaitu ekspresi *mai* membentuk lakuan mengajak [+ajakan] yang berisyaratkan untuk menghampiri penutur. Fungsi rujukan *mai* membawa makna mengajak yang positif. Lakuan egosentrik yang ditonjolkan oleh penutur C mengisyaratkan pendengar perlu memberikan rangsangan gerak balas sama ada untuk menerima ajakan atau menolak ajakan. Melalui rujukan *mai* yang diujarkan, peranan peserta deiksis bersifat positif dengan ajakan dalam ujaran ayat (3) manakala bagi ujaran ayat (4) pula, peranan peserta deiksis bertindak negatif dengan menolak pelawaan yang diberikan oleh penutur.

Berbeza pula dengan situasi ayat ujaran (5) kerana ekspresi *mai*^h merujuk kepada lakuan pemujukan [+pemujukan] yang ditujukan kepada subjek sasarannya. Interpretasi makna *mai*^h ialah ujaran yang dituju kepada sasaran agar sasaran bergerak menghampiri penutur. Apabila sasaran bertindak positif dengan pemujukan yang diujarkan oleh penutur maka, sasaran telah menghampiri titik projeksi diektik. Penghasilan intonasi juga berbeza kerana penutur mengungkapkan [mai^h] dan bukan [mai] pada tekanan yang berlainan. Hirschberg (2004, hlm. 532) menyatakan “...*accent can also disambiguate potentially ambiguous words such as discourse markers or cue phrase as adverbials*”. Selain itu, ujaran ekspresif *mai*^h yang diungkapkan oleh penutur adalah merujuk interpretasi makna *sini* yang memberi gambaran agar subjek sasaran bergerak mendekati penutur.

Ujaran ayat (6) dan (7) memperlihatkan dua perbezaan makna semasa rujukan ekspresi *mai* digunakan yang bergantung pada kesan lakuan tindak balas yang positif dan kesan lakuan tindak balas yang negatif. Hal ini kerana rujukan ekspresi *mai* dalam kedua-dua ujaran mempamerkan makna meminta [+meminta]. Konteks ujaran (6) memperlihatkan rujukan ekspresi *mai* ditujukan kepada pendengar. Makna bagi rujukan ekspresi tersebut diujarkan oleh penutur terhadap objek yang dikehendakinya yang berada berdekatan dengan pendengar. Ekspresi *mai* ialah satu ekspresi rujukan yang positif kerana pendengar bertindak balas dengan permintaan yang diujarkan oleh penutur.

Konteks ujaran (7) pula menggunakan ekspresi rujukan *mai* untuk tindak balas yang negatif kerana merupakan ayat penyata biasa yang diujarkan oleh penutur. Ekspresi rujukan *mai* tidak mensyaratkan adanya sebarang tindak balas yang perlu dikemukakan oleh pendengar kerana penutur bertindak sedemikian berdasarkan pengalaman yang dialaminya sendiri.

EKSPRESI DIEKTIK “JOM”

Ekspresi modaliti ‘jom’ yang diujarkan dalam dialek Kedah juga menunjukkan fungsi yang khusus.

Data 26:

- (1) C : **dʒom dʒom** pi dapɔʔ kami doʔ masaʔ satniʔ
 jom, jom pergi dapur. Kami dok tengah masak satni.
 (2) N : **dʒom**, baleʔ dulu la noh bila-bila may yumoh aku na:
 jom balik dulu lah noh, bila-bila mai ruma aku na.

Penutur C menginterpretasikan *jom* untuk mendokong makna lakuan mengajak [+mengajak] dan ajakan yang dipelawa oleh penutur itu merupakan satu pergerakan yang positif, iaitu menghampiri titik projeksi diektik dan pendengar pula menghampiri ke arah penutur yang mengungkapkan ekspresi modaliti itu. Namun, ujaran ayat oleh penutur N memberikan fungsi modaliti *jom* sebagai makna ajakan yang negatif dengan niat untuk meminta izin atau menjauhi penutur. Oleh itu, ekspresi *jom* menunjukkan dua fungsi, iaitu fungsi mengajak penutur yang disasarkan dan fungsi menjauhi penutur yang disasarkan.

Demikian, interpretasi makna penggunaan elemen diektik ruang yang terdapat dalam dialek Kedah yang boleh diringkaskan sebagaimana dalam jadual 5 yang berikut:

JADUAL 5. Elemen diektik ruang dalam DKKS

Interpretasi Makna		Kata Kerja gerak	
Penggunaan diektik		Mai	
Bukan penggunaan diektik		Pi	
Kata modaliti			
Arah positif		Jom [+ajakan]	
Arah negatif		Jom [-meminta izin]	
Demonstratif Lokatif			
Proksimal	Sini		Tang ni
medial	Situ		
Distal	Sana		nu
Tempat	Tang ni		
Objek	Tang ni		Tang tengah
Demonstratif Kata Nama dan Kata Adjektif			
Singkatan kelaziman ekspresi penggunaan diektik simbolik	Ni		tu
Proksimal	Had ni		tudia
Medial		tudia	
Distal	Had ni		tu
Objek		Had ni	
Tempat		tudia	

DEIKSIS SOSIAL

Deiksis sosial menekankan kodifikasi status sosial seseorang penutur, pendengar mahupun orang ketiga yang meliputi aspek kelas sosial, hubungan kekerabatan, umur, jantina, pekerjaan dan kumpulan etnik (Huang, 2007, hlm. 163). Aspek deiksis sosial yang diteliti dalam DKKS melibatkan hubungan kekeluargaan antara ibu dan anak serta kakak dan adik, beretnik Melayu Kedah di daerah Kota Setar, berjantina perempuan, berumur dalam lingkungan 30 hingga 65 tahun dan berada dalam kelas pertengahan. Peserta deiksis ini juga berstatus guru, peniaga, pekerja biasa dan suri rumah dan bahasa perantaraan yang digunakan berstatus dialek dan bersifat tidak formal.

Selain itu, deiksis sosial disempurnakan oleh pemakaian alat-alat linguistik seperti penggunaan kata ganti nama perorangan, penandaan hormat, bentuk unit teguran atau kata ganti nama mesra, kata nama kekerabatan dan penggunaan partikel khusus (Huang, 2007, hlm. 166). Demikian, deiksis sosial dalam DKKS diperjelaskan dengan penggunaan kata ganti nama mesra dan penggunaan partikel khas dan penggunaan kata ganti nama perorangan.

Deiksis sosial memiliki ciri-ciri yang tertentu untuk dikenal pasti dan salah satu ciri yang diukur ialah status dan kedudukan peserta penutur dalam pemilihan rujukan yang sesuai dan wajar digunakan. Sehubungan itu, kajian ini mendapati penggunaan kata ganti nama mesra yang terhasil adalah rujukan ganti nama *aku* dan *hang* untuk hubungan adik-beradik manakala untuk hubungan ibu dengan anak, peserta deiksis menggunakan kata nama panggilan *mak* dan *cek*.

Selain itu, melalui deiksis sosial juga, terdapat penggunaan ekspresi partikel khas seperti 'haih', 'naa', 'noh' dan 'oi' dan ayat ujaran dalam data 27 yang berikut membentangkan penggunaan ekspresi partikel ini.

Data 27:

- (1) Penutur A : lupa dáh **hay^h**: aku: dulu do? bu^wat lupa pi dah **hay^h**:
 Lupa sudah aku, dulu buat, lupa sudah haih.
- (2) Penutur N : dʒom, bale? dululah **noh**. bila-bila may yumah aku **na**
 jom, balik dulu lah noh...bila-bila mai rumah aku na.
- (3) Penutur C : inʃaallah, bæ?-bæ? dʒalan **noh**!
 In shaa Allah, baik-baik jalan.
- (4) Penutur A : ha: du^wed kena bapa? tʃe? **oy**. kalaw ada du^wed bapa? boleh, ta? pajah pi
 bu^wat suruh dia bu^wat di kedai
 haaaa...duit kena banyak cek oi...kalau ada duit banyak boleh, tak payah pi
 buat suruh dia buat di kedai

Konteks ujaran (1) hingga (4) memperlihatkan penggunaan partikel *haih*, *noh*, *naa* dan *oi*. Namun begitu, keempat-empat jenis partikel ini tidak menunjukkan fungsi sebagai rujukan jarak kedekatan 'proximal' atau jarak kejauhan 'distal'. Selain itu, penggunaan ekspresi partikel ini juga tidak menunjukkan fungsi rujukan masa. Penggunaan ekspresi partikel khas DKKS ini hanya mendokong makna bukan penggunaan diektik iaitu sebagai intonasi kemesraan, kelaziman sosiobudaya dan kesantunan apabila berinteraksi semasa sendiri.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, dalam jadual 6 yang berikut dipaparkan perincian hasil analisis kategori dan fungsi ekspresi diektik yang diteliti berdasarkan konteks DKKS.

JADUAL 6. Rumusan fungsi penggunaan ekspresi diektik DKKS

Deiksis	Ganti Nama Diri				
Deiksis Perorangan	GND1 (penutur)	aku	cek	Kita	kami
	GND2 (interlokutor)	Hang			
	GND3	Dia			
Deiksis Sosial	Penggunaan partikel khas bukan fungsi	Naa	haih	noh	oi

Deiksis Reruang	deiktik		Jarak			
	Relatif	Depan hidung				
	Intrinsik	Depan ni	Tengah	ataih		
			Kata Kerja gerak			
	Penggunaan deiktik	Mai				
	Bukan penggunaan deiktik	Pi	Balik sana			
			Kata Modaliti			
	Arah positif	Jom [+ajakan]				
	Arah negatif	Jom [-meminta izin]				
			Demonstratif Lokatif			
	Proksimal medial	Sini	Tang ni			
	Distal	Situ				
	Tempat	Sana	nu			
	Objek	Tang ni	Tang tengah			
			Demonstratif Kata Nama dan Kata Adjektif			
	Singkatan kelaziman menganggotai ekspresi penggunaan deiktik simbolik		Ni		tu	
	Proksimal		Had ni		tudia	
	Medial		tudia			
	Distal		Had ni		tu	
	Objek		Had ni			
Tempat		tudia				
Penggantian wacana		Lagu tu				
Deiksis Waktu	Bilangan hari		Maghin	semalam	Haghi ni	sok
	Domain masa		Dulu	sekarang	Lala	lani
	Ekspresi deiktik kata bantu		Satgi		Satni	
			Paih	Dah	Dok	Dok
					tengah	

Kajian ini merumuskan bahawa dialek Kedah menonjolkan ciri-ciri spesifik sebagai penanda kepada aspek penggunaan deiksis orang, masa dan tempat. Pentafsiran sesuatu makna tidak sahaja boleh menggunakan rujukan yang terdapat dalam kamus; namun, pentafsiran makna juga boleh diketahui dengan menggunakan rujukan berdasarkan konteks ujaran atau keperihaln keadaan (Mohammad Fadzeli, 2009, hlm. 225). Konteks ujaran melibatkan proses komunikasi antara peserta penutur. Komponen binaan ayat yang diujarkan mengandungi satu bentuk unit deiksis yang memiliki fungsi sebagai rujukan yang maknanya bergantung kepada keperihaln keadaan.

Kajian ini mendapati aspek dieksis perorangan dalam dialek Kedah adalah beragam dan hal ini menyokong Collins (1996, 1982) yang telah menemui maklumat yang menarik mengenai dialek Kedah. Menurut Collins (1982), pemerihaln penggunaan ganti nama diri yang berlaku dalam keadaan yang kompleks dan rencam. Hal ini dibukti dalam kajian ini iaitu, ganti nama diri (GND) orang pertama *kita* merupakan rujukan 'kami' dan 'aku', GND *kami* berfungsi sebagai penggunaan yang eksklusif dalam dialek Kedah yang merujuk kepada rujukan 'aku' dan GND ini juga perlu bergantung kepada konteks ujaran untuk mengelakkan berlakunya kekaburan menerima rujukan diri. GND [tʃeʔ] yang merupakan ganti nama yang eksklusif 'aku' menimbulkan kekaburan kerana apabila menerima partikel 'oi' menjadi [tʃeʔ

oi], aspek emotif terhasil. Maka, [tʃeʔ oi] bukan lagi merujuk kepada 'aku' tetapi sudah menjadi rujukan vokatif terhadap pendengar iaitu 'kamu'. Ekspresi rujukan *dia* pula menghasilkan empat fungsi yang berbeza iaitu sebagai rujukan "saya", rujukan "awak", rujukan "dia" dan rujukan benda. Hal ini dirujuk melalui keperihalan keadaan yang melatari penggunaan ekspresi deiktik *dia* yang diujarkan peserta deiksis. Rujukan GND3 *depa* pula dilihat merujuk kepada objek atau benda. Dengan kata lain, penggunaan 'dia' dan 'depa' boleh digunakan untuk rujukan bukan orang iaitu benda atau objek.

Hasil analisis penggunaan elemen deiktik waktu pula dilihat berdasarkan tiga domain petunjuk masa iaitu melalui masa yang sudah berlalu, masa sekarang dan masa akan datang. Selain itu, penggunaan elemen deiktik waktu juga dilihat melalui kata kerja bantu aspek dan penentuan mengikut perhitungan bilangan hari iaitu hari yang telah berlaku, hari yang sedang berlaku mahupun hari yang akan berlaku. Penggunaan garis masa yang dipamerkan dalam pertuturan DKKS menunjukkan pergerakan yang selari daripada ukuran masa yang telah lepas bergerak kepada masa yang akan datang. Ekspresi rujukan masa yang wujud dalam DKKS adalah seperti *maghin, semalam, dulu, lala, la ni, satni, satgi, dok* dan *dok tengah*. Penggunaan fungsi ekspresi deiktik waktu bagi DKKS berpengaruh dengan ruang jarak, pengalaman sosial dan pengetahuan yang tersimpan dalam kognitif. Keadaan ini bertepatan dengan pragmatik itu sendiri yang sebenarnya tertanam secara berilusi dalam ukuran berskala besar dalam ruang kognitif (Fauconnier, 2004, hlm. 674).

Pemerihalan mengenai penggunaan deiksis reruang dijelaskan secara kerangka rujukan relatif, intrinsik dan isyarat menunjuk arah objek dengan menggunakan isyarat gerak tubuh. Penggunaan elemen ekspresi reruang dilihat memiliki variasi makna yang tertentu terutamanya dalam penggunaan kata kerja gerak *mai* dan *pi* serta penggunaan reruang *sini, situ* dan *sana* yang melibat ekspresi lokatif pada kedudukan yang dekat atau pada kedudukan yang jauh. Misalnya, rujukan ekspresi 'mai' memperlihatkan makna rujukannya yang agak kompleks kerana berdasarkan kepada keperihalan keadaan, ekspresi rujukan *mai* membawa makna yang positif dan negatif atau sama ada mengubah tempat mendekati atau menjauhi titik projeksi melalui lakuan menerima atau menolak. Diller (1989, hlm. 1) menyatakan "...the use of deictic forms to indicate emotional closeness and distance, as though through a metaphorical process related to spatial distance". Oleh itu, ekspresi rujukan *mai* yang diperolehi telah menunjukkan makna yang positif dalam keperihalan keadaan seperti [+singgah], [+datang] atau [+menghampiri], [+pemujukan], [+ajakan] dan [+permintaan]. Manakala titik pergerakan *mai* menjauhi titik projeksi apabila ajakan ditolak dan ekspresi *mai* yang diujarkan dalam ayat penyata biasa tanpa memerlukan sebarang tindak balas daripada interlocutor.

Kajian mengenai penekanan terhadap deiksis akan lebih sempurna apabila terdapat usaha untuk memperluaskan lagi skop kajian. Pengkaji menyarankan agar kajian terhadap penggunaan deiksis dalam DKKS ini ditambah baik dengan meneliti kepelbagaian keperihalan keadaan yang tidak hanya tertumpu kepada ruang wacana kekeluargaan sahaja. Hal ini kerana untuk melihat lebih banyak penggunaan ekspresi deiktik dalam bentuk keperihalan keadaan yang beragam dan pelbagai. Malah, daripada segi analisis deiksisnya pula perlu lebih meluas dan bukan hanya tertumpu kepada aspek deiksis asli iaitu GND atau penggunaan vokatif semata-mata dan kerangka analisis deiksis sosial perlu diketengahkan dengan lebih jitu dan menyeluruh. Selain itu, pengkaji menyarankan agar kajian perbandingan penggunaan deiksis dalam dialek-dialek Melayu perlu diadakan. Ini kerana setiap dialek mempunyai gaya yang tersendiri dalam mengekspresikan sesuatu deiksis ataupun rujukan terhadap objek atau subjek yang dirujuknya. Dengan melihat kepada kajian perbandingan sebeginilah, kita dapat mengenal dan mengetahui budaya yang diamalkan oleh penutur dialek Melayu dengan lebih lengkap dan menyeluruh.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (1980). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1985). *Language and the World-view of the Malay Peasants. Malaysian World-view*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studied.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan Pemikiran Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Susur Galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, G. & Yule, G. (1983). *Teaching the Spoken Language*. UK: Cambridge University Press.
- Burenhult, Niclas. (2004). *Spatial Deixis in Jahai*. Papers from the 11th Annual Meeting of the Southeast Asian Linguistics Society. 87-100.
- Collins, James T. (1976). Vokal Sengau di dalam bahasa Melayu Kedah Langkawi. *Dewan Bahasa*. 20,19-31.
- Collins, James T. 1982. Kata Sapa dan Kata Alih: Analisis Rakaman. *Jurnal Dewan Bahasa*. 26,665-699.
- Collins, James T. (1996). *Khazanah Dialek Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cummings, Louise. (2005). *Pragmatics*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Danziger, Eva. (2010). Deixis, Gesture and Cognition in Spatial Frame of Reference Typology. *Studied in Language*. 34(1), 167-185.
- Diller, Anthony. (1989). Southern Thai Deixis. *Pacific Linguistics*. 77,1-14.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin dan Harishon Radzi. (2011). Kata Soal Bila dalam Dialek Kedah Melayu Baling: Satu Analisis Sintaksis. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 11(1). 1-12.
- Fauconnier, Gilles. (2004). Pragmatics and cognitive linguistic. Dlm. Horn, Laurence R. & Ward, Gregory (pynt.). *The handbook of pragmatics* (hlm. 657-674). Oxford: Blackwell.
- Hanks, William F. (2009). Fieldwork on deixis. *Journal of Pragmatics*. 41(1),10-24.
- Hirschberg, J. (2004). Pragmatics and intonation. Dlm. Horn, Laurence R. & Ward, Gregory (pynt.). *The handbook of pragmatics* (hlm. 515-537). Oxford: Blackwell.
- Huang, Yan. (2007). *Pragmatics*. New York: Oxford University Press.
- Ida Ahmad. (1969). Fonologi Bahasa Kedah. *Dewan Bahasa*. 13,531-537.
- Kamila Ghazali. (2006). Ganti Nama Diri dan Deiksis. Dlm. Asmah Haji Omar (pynt.). *Bahasa Mah Meri* (hlm. 129-141). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Lébibkaza, Kézié Koyenzi. (2005). Deictic Categories in Particles and Demonstratives in Three Gur Languages. *Studies in African Linguistic Typology*. Amsterdam: John Benjamins.
- Levinson, Stephen C. (2004). Deixis. *The handbook of pragmatics*. USA: Blackwell Publishing.
- Levinson, Stephen C. (1983). *Pragmatics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2009). Gaya deiksis dalam teks iklan. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin, Mohammad Fadzeli Jaafar dan Harishon Radzi (pynt.). *Kepelbagaian Dimensi Linguistik* (hlm. 225-233). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maienborn, C., Heusinger, K. V. dan Portner, P. (2012). *Semantics*. Berlin: Walter de Gruyter.
- Maslida Yusof. (2007). Pragmatik. Dlm. Zulkifley Hamid, Ramli Salleh & Rahim Aman (Pnyt). *Linguistik Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.

- Maslida Yusof. (2009). Analisis Preposisi Lokatif Bahasa Melayu Berdasarkan Kerangka Role and Reference Grammar (RRG). *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 9(1) 17-32.
- Nurul Shahida Jamil dan Maslida Yusof. (2014). Deiksis Reruag dalam Dialek Kedah. *Jurnal Bahasa*. 14(2), 192-218.
- O’Keeffe, Anne, Brian Clancy dan Svenja Adolphs. (2011). *Introducing Pragmatics in Use*. London: Routledge Taylor & Francis Group.
- Shahidi A.H. (2009). Alternasi dalam fonologi subdialek Kedah Utara. *Jurnal Bahasa*. 9(2), 302-325.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2010). *Pragmatik Linguistik*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ton Ibrahim. (1974). Morfologi dialek Kedah. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Yaguchi, Michiko. (2001). The function of the non-deictic *that* in English. *Journal of Pragmatics*. 33(7), 1125-1155.
- Yule, George. (1996). *Pragmatics*. Oxford: Oxford University Press.
- Yaguchi, Michiko. The function of the non-deictic *that* in English. *Journal of Pragmatics*. 33(2001), 1125-1155.

PENULIS

Nurul Shahida Binti Jamil memiliki Ijazah Sarjana Sastera (Kajian Bahasa Melayu) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau kini berkhidmat sebagai pensyarah Bahasa Melayu di Pusat Pengajian Liberal, Twintech International University College of Technology, Bandar Sri Damansara.

Maslida Yusof (PhD) ialah Professor Madya di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mengkhusus dalam bidang sintaksis, semantik dan pragmatik.